

Headline	Kaedah cantuman dewasa		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	23	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	425 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,400
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,199



Kaedah cantuman dewasa

PENGURUS Stesen MARDI Arau, **Othman Ismail** berkata, metodologi kaedah cantuman dewasa melibatkan beberapa proses cantuman dengan permulaan proses pemilihan pucuk yang mempunyai mata tunas terpilih. Pucuk yang mempunyai mata tunas akan dipotong serong dan akan diselitkan pada potongan dahan terpilih pada pokok induk.

"Kemudian, plastik *parafilm* akan dililitkan pada keseluruhan cantuman dan pucuk untuk mengelakkan pengumpulan air di kawasan cantuman.

"Cantuman yang berumur dua minggu akan mula mengeluarkan mata tunas dan membesar menjadi dahan mangga harumanis. Pemilihan dahan atau ranting untuk dicantum pula bergantung kepada kesesuaian," katanya.

Jelasnya lagi, dahan atau ranting yang sesuai adalah dipilih berdasarkan kekuatan dan bentuk dahan atau ranting itu sendiri bagi menghasilkan dahan pokok yang cantik dan mudah diselenggara.

Pemilihan pokok induk adalah amat penting bagi memastikan prestasi cantuman yang baik selain pemilihan pucuk harumanis yang perlu dilakukan dengan teliti agar peratusan cantuman berjaya lebih tinggi.

"Cantuman yang berjaya akan mula mengeluarkan tunas selepas dua minggu dan pada enam bulan pertama, pertumbuhan cantuman akan

meningkat dengan drastik. Pada usia tujuh hingga lapan bulan, cantuman akan berupaya mengeluarkan bunga dan berputik," katanya.

Selain meningkatkan kesedaran dan minat peladang terhadap tanaman harumanis menerusi kaedah penanaman dan pengurusan, Othman menambah, MARDI juga giat mengadakan ceramah teknikal berkaitan penjagaan tanaman itu menerusi bengkel peladang.

"MARDI memberikan komitmen tinggi untuk menghasilkan harumanis terbaik di negara ini selain mahu mendidik petani agar mengamalkan amalan pertanian baik (GAP)," ujarnya.

Dalam pada itu, salah seorang petani, **Ramli Abu Seman**, 59, berkata, permintaan terhadap buah harumanis adalah sangat tinggi buat masa kini, tetapi situasi ini juga agak merisaukan kerana kemungkinan akan berlaku lambakan harumanis disebabkan pengusaha yang semakin ramai.

"Selain lambakan harumanis, satu perkara lagi yang lebih merisaukan adalah masalah harumanis palsu yang dijual di pasaran.

"Oleh itu, MARDI dan jabatan lain berusaha sedaya upaya membantu petani untuk memastikan pembeli tidak tertipu dengan buah harumanis

palsu yang kebanyakannya dijual di tepi-tepi jalan," katanya.

Menurut Ramli yang mula mengusahakan tanaman harumanis sejak 1984 lagi, MARDI telah banyak membantu terutama dari segi khidmat nasihat dan kepakaran serta bantuan peralatan seperti racun dan baja.

"Dengan bantuan agensi serta jabatan kerajaan, saya mampu memperoleh keuntungan hasil lumayan.

"Namun begitu, masih terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi supaya petani seperti kami dapat memperoleh hasil yang optimum misalnya masalah serangan kutu pada buah apabila tiba musim berbunga dan berputik.

"Selain itu, reput dalam buah (IFR) juga menjadi antara cabaran utama kepada petani selain ancaman kulat yang merosakkan bunga serta masalah kecurian yang berleluasa terutama apabila tiba musim menuai buah," katanya.

Tambahnya lagi, menjadi petani bukanlah perkara yang mudah kerana perlu berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran yang bukan hanya melibatkan hasil dari pokok, malah ia turut melibatkan kepercayaan pembeli kerana pembeli mahukan yang terbaik dan berbaloi dengan apa yang dibayar.

"Oleh itu, bagi mereka yang berminat untuk menjadi petani apa yang paling utama adalah ilmu, kesabaran yang tinggi dan kerja keras untuk berjaya," katanya.



OTHMAN ISMAIL



WAN ABDULLAH WAN YUSOFF berbincang sesuatu mengenai buah harumanis kajian MARDI sambil diperhatikan oleh timbalannya, **Fadhilnor Abdullah** (dua dari kiri), **Ramli Abu Seman** (tengah) dan **Othman Ismail** (dua dari kanan) di Arau, Perlis baru-baru ini.